Media: Kosmo

Date: 23 May 2023

## Ajinomoto jemput orang ramai lawat kilang

PETALING JAYA – Pengeluar perencah makanan, Ajinomoto (M) Berhad (AMB) mengalu-alukan orang ramai supaya hadir melawat kilang pintar dan mesra alam terbaharunya yang bertempat di Hab Halal Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

Menurutnya dalam satu kenyataan semalam, pengunjung boleh melawat kilang baharu AMB dari pukul 9 pagi hingga 4 petang, Isnin hingga Jumaat dan maklumat lanjut mengenai lawatan kilang serta pendaftaran boleh dibuat di laman web Ajinomoto Malaysia.

"Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti lawatan galeri dan koridor pengeluaran, demonstrasi masakan dan sesi hidangan ringkas.

"Pengunjung turut menerima cenderahati menarik serta pelbagai sampel produk selepas lawatan tersebut dan lawatan ini adalah percuma," katanya.

AMB menambah, kilang tersebut juga merupakan Bangunan Hijau yang disahkan secara rasmi dengan penarafan Perak oleh Indeks Bangunan Hijau.

"Kilang ini juga direka untuk menyediakan pekerja dengan persekitaran yang kondusif dan mesra kakitangan termasuk dilengkapi fasiliti rekreasi," katanya.

